

Selasa – 15 September 2020

Halaman : 20

20

SELASA, 15 SEPTEMBER 2020 BH

**Nasional**

# Orang Asli lari ke bukit selamat diri

3 jambatan runtuh, tanaman musnah kampung dilanda banjir lumpur

Oleh Ramli Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Gua Musang:** Kira-kira 500 penduduk Orang Asli di Pos Gob, dekat sini, berdepan detik cemas selepas banjir lumpur melanda penempatan mereka, Sabtu lalu.

Mereka terpaksa melarikan diri ke atas bukit apabila kampung mereka dilanda banjir lumpur yang teruk selepas hutan berterusan di kawasan itu selama enam jam.

Banjir lumpur dari sungai berdekatan bukan saja hampir memusnahkan penempatan mereka, malah memusnahkan tanaman selain menyebabkan tiga jambatan runtuh.

Walaupun tiada kemalangan jiwa dalam kejadian itu, penduduk masih terkejut dan belum dapat pulang ke rumah berikutnya penempatan mereka masih dipenuhi lumpur dan terputus bekalan makanan.

Penghulu Pos Gob, Uda Alang, berkata beliau lega penduduk sempat menyelamatkan diri dengan mendaki bukit berhampiran bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

*Uda Alang,  
Penghulu Pos Gob*

**Saya lega penduduk sempat selamatkan diri dengan mendaki bukit berhampiran bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.**

*Uda Alang,  
Penghulu Pos Gob*

Mengulas kejadian itu, beliau berkata sebelum kejadian, hujan lebat bermula jam 6 petang dan berlarutan sehingga jam 1 pagi hingga keadaan air sungai melimpahi tebing.

“Berikutan itu, saya mengarahkan semua penduduk keluar rumah dan menyelamatkan diri ke atas bukit berhampiran sebelum air surut semula jam 7 pagi,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang penduduk Orang Asli, Semail Angah, 45, berkata, dia terkejut apabila melihat keadaan air sungai naik mendadak.

Katanya, pada malam itu mereka



keadaan air sungai di Pos Gob yang menyebabkan banjir lumpur di Gua MUSang. (Foto Ramli Ibrahim)

sekeluarga tidak dapat tidur kerana bimbang kejadian buruk berikutan air sungai yang keruh bercampur lumpur semakin melimpah.

Dia berkata, masalah yang paling teruk dihadapi kemasuhan tanaman termasuk pisang dan pokok ubi kayu sebagai makanan keluarga.

“Kini kami semua terputus bekalan makanan dan tidak dapat keluar ke bandar kerana jalan rosak teruk serta tiga jambatan runtuh,” katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, Ab Aziz Yusof, berkata pihaknya menerima maklumat mengenai kejadian berkenaan pagi kelmarin.

Beliau berkata, pihak berkuasa akan menghulurkan bantuan makanan segera dalam masa terdekat ini.



Tanaman pisang dan pokok ubi musnah dilanda banjir lumpur.